



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

### Fatwa Mufti Mesir

'Ain. Mahmud, Seremban bertanya: Saya berasa musykil ketika membaca siaran akhbar baharu-baharu ini berkenaan fatwa mufti Mesir yang menerangkan bahawa muka perempuan bukanlah aurat dan purdah yang biasa dipakai oleh perempuan-perempuan Islam di atas angin hanyalah pakaian yang telah dimulakan oleh kaum bangsawan.

Fatwa itu memang sudah betul, tetapi saya musykil tentang cara akhbar-akhbar menyiarkannya dengan begitu luas, seolah-olah hukum itu baharu diketahui oleh orang Islam, pada hal perkara itu telah dijelaskan oleh Rasulullah (SAW) dalam masa hayatnya dahulu. Harap mendapat penjelasan bagaimana perkara lama ini telah menjadi atau sengahaja dijadikan perkara baharu yang dipancarkan beritanya ke seluruh dunia?

Jawab: Jangan tuan berasa pelik. Harus perkara ini telah ditanya oleh orang yang bukan Islam atau oleh orang Islam yang berpengetahuan sempit yang menyangka adat datuk neneknya itu dari perintah agama. Yang menyiarkan dan membesarlu berita fatwa itu pula ialah syarikat berita asing kerana disangkanya fatwa itu suatu perkara baharu- dahulu haram sekarang halal, seolah-olah ulama boleh menukar ganti hukum-hukum Islam.

Hukum aurat perempuan adalah terbentang di dalam Quran dan hadis dengan jelasnya.

Di dalam surah al-Nūr, ayat 31 ada dinyatakan hukum ini, Maksudnya: "Janganlah mereka (perempuan-perempuan) itu menampakkan perhiasan mereka melainkan yang zahir sahaja, dan hendaklah

### Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

mereka menghulurkan tudung kepala mereka di atas dada mereka."

Perhiasan yang zahir yang tersebut di dalam ayat di atas telah dijelaskan oleh Ibnu Abbās dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Jarīr: "Perhiasan yang zahir itu ialah muka, celik di mata, bekas haini di tangan dan cincin."

Daripada keterangan Quran dan hadis yang bentangkan di atas jelaslah bahawa aurat perempuan ialah seluruh tubuhnya dikecualikan bulatan muka dan pergelangan tangan.

Setengah perempuan di atas angin memakai purdah atau "Burqa" (Margu') hanyalah suatu adat menurut keadaan masyarakat di sekelilingnya dan dipercayai terbitnya adat itu ialah daripada nasihat sebahagian ulama Islam yang berfaham bahawa muka perempuan; kadang-kadang- kerana cantik parasnya -membangkitkan fitnah dan menggoda lelaki yang memandangnya, dan kerana itu patut ditutup dengan purdah.

Sekianlah kesimpulan perkara ini.

\*

### Zina Curi?

Sham al-Dīn 'Alī, Melaka bertanya: Apa bezanya zina curi di kampung dengan zina yang dibeli di pekan?

Jawab: Tidak ada bezanya, kerana zaman yang dilakukan di kampung atau di pekan adalah sama iaitu perbuatan yang cemar dan terkutuk, apatahlagi kalau berzina dengan isteri orang atau merosakkan anak dara orang. Demikian juga tidak kurang cemarnya kalau penzina kalau penzina itu seorang perempuan

yang kedua anak laki orang atau anak muda orang.

Penzina lelaki dan perempuan yang berkekalan di dalam zina tidak layak dicampuri atau bersemanda dengannya oleh orang yang beriman. Hukum ini telah ditegaskan di dalam al-Quran al-Karim, surah al-Nūr, ayat 3:

*“al-zānī la yankihu illa zāniyatān aw mushrikat wa al-zāniyatān la yankihuhā illa zānin aw mushrik wahurrīma dhalika ‘alā al-mu’mīnīn.”*

Ertinya: “Lelaki penzina iaitu tidak (sayogia) beristeri melainkan dengan perempuan penzina atau perempuan musyrik, dan perempuan penzina itu tidak (sayogia) bersuami melainkan dengan lelaki penzina atau lelaki musyrik. Yang demikian itu adalah diharamkan di atas orang-orang yang beriman.”

Pendeknya bahayanya perbuatan zina itu kepada masyarakat sudah jelas tak payah ditunjukkan, dan hinanya serta cemarnya orang-orang yang berzina dipandang oleh masyarakat pun sudah jelas tak payah digambarkan.

\*

### Salam kepada orang yang bukan Islam

‘Umar bin Ḥusīn, Jeram Selangor bertanya: Bolehkah kita memberi salam dan menjawab selama orang yang bukan Islam?

Jawab: Cara memberi salam dan menjawab salam orang-orang yang bukan Islam telah diterangkan oleh junjungan dalam beberapa hadisnya.

Suatu hadis saih diriwayatkan oleh Muslim, bahawa Rasulullah (SAW) bersabda: *“la tabda’ū al-yahūd wala al-naṣārā bi al-salām.”*

Ertinya: Janganlah kamu memulai salam kepada orang Yahudi dan jangan orang Nasrani”. Maksudnya jangan memberi salam kepada mereka dengan salam Islam.

Kalau pula orang yang bukan Islam memberi salam kepada kita dengan salam Islam (*al-salāmu ‘alaykum*) maka kita dibenarkan oleh Islam menjawab mereka dengan suatu

perkataan iaitu *“wa ‘alaykum”* ertinya: “atas kamu”.

Hal ini telah diterangkan dalam suatu hadis saihir riwayat Muslim, maksudnya: Daripada atas, bahawa sahabat-sahabat Nabi (SAW) berkata kepada Nabi: “kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani” memberi salam kepada kami bagaimanakah kami menjawab kepada mereka?” Maka Nabi menerangkan : Katakanlah, *“wa ‘alaykum”*.

Daripada keterangan di atas jelaslah bahawa orang-orang Islam dilarang memberi salam dan menjawab salam orang-orang kafir (Ahli kitab atau Majusi) dengan dikata *“al-salāmu ‘alaykum”* atau membala dengan *“wa ‘alaykumu al-salām”*. Kalau mereka memberi salam kepada kita dengan mengata? *“al-salāmu ‘alaykum”* sekalipun maka kita hanya dibenarkan membala dengan perkataan *“wa ‘alaykum”* supaya berbeza dengan peraturan salam yang disuruh oleh Islam.

Tetapi sekiranya kita mendatangi suatu majlis yang mengandungi orang-orang Islam dan orang-orang yang bukan Islam maka kita dibolehkan memberi salam dengan *“al-salāmu ‘alaykum”*.

Hal ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam suatu hadis saihir, maksudnya: “Daripada Usāmah bin Zaid, bahawa Nabi (SAW) telah menunggu keldai...sehingga melalui suatu majlis yang di dalamnya ada orang-orang Islam dan orang-orang Musyrik penyebah berhala serta orang-orang Yahudi, dan di antara mereka itu ada pula ‘Abdullāh bin Abī Binsalul (kepala kaum munafik). Demikian juga di dalam majlis itu ada pula ‘Abdullāh bin Ruwāḥah (sahabat Nabi)...lalu Nabi (SAW) memberi salam kepada mereka.

Baginda memberi salam iaitu sudah tentu ditujukan kepada orang-orang Islam bukan kepada orang-orang kafir yang ada majlis itu.

Kesimpulannya salam yang disuruh oleh Islam hanya tertentu kepada orang-orang Islam sesama sendiri. Dalam masa kita berhubung dengan orang-orang yang bukan Islam bolehlah kita menggunakan cara memberi hormat yang bukan bercorak Islam seperti dikata “tabik” atau “selamat pagi” dan sebagainya.